## PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : HASMADI BIN HAMDAN (No K.P/Pasport : 750203-02-5041)

No Pendaftaran/Matrik : TGA070017

Nama Ijazah : SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN

Tajuk Kertas Projek/ Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini") :
**PENGUASAAN SEBUTAN HURUF ARAB DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MELAYU : ANALISIS FONETIK MENURUT PERSPEKTIF AL-JA:H}IZ}**

Bidang Penyelidikan : FONETIK BAHASA ARAB

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis hasil kerja ini;
(2) Hasil kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulis telah dilakukan di dalam hasil kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa hasil penghasilan hasil kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta hasil kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam hasil kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula dan atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan hasil kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh :

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh :

Nama : DR. HAJI MOHAMMAD BIN SEMAN
Jawatan : PENSYARAH/PENYELIA

# ABSTRAK

Kajian ini menyentuh permasalahan sebutan Arab di kalangan kanak-kanak Melayu, Al-Ja:h}iz} di dalam buku al-Baya:n wa al-Tabyi:n ada menyentuh tentang kesukaran kaum-kaum Arab dan selain Arab ketika menyebut bunyi-bunyi bahasa Arab. Kesukaran-kesukaran yang disentuh oleh beliau ialah kesukaran sebutan yang mana sesuatu huruf itu dituturi dengan pelbagai variasi.

Walaupun setiap huruf atau disebut juga fonem mempunyai tempat artikulasi dan sifatnya yang tertentu, namun ketika di dalam perkataan atau ayat, sebutan serta tempat artikulasinya boleh berubah kerana berbagai-bagai sebab. Di antaranya adalah kerana asimilasi dan dismilasi, ibda:l (penggantian), gangguan alat-alat artikulasi dan juga kebiasaan inidividu menyebut sesuatu bunyi.

Kajian ini membincangkan pendapat-pendapat al-Ja:h}iz} tentang variasi sebutan fonem-fonem Arab. Penyelidik membandingkan pula pendapat-pendapat beliau dengan pendapat-pendapat sarjana klasik dan moden di dalam bidang fonetik.

Di dalam kajian ini, pendapat-pendapat beliau itu telah diuji dengan melakukan wawancara ke atas 30 orang murid di SK Sungai Kob, Kulim, Kedah. Hasil kajian ini mendapati bahawa pendapat-pendapat al-Ja:h}iz} tentang kepelbagaian variasi sebutan

fonem ini memang wujud, bahkan penyelidik telah merekodkan sebutan-sebutan lain yang tidak disebutkan oleh al-Ja:h}iz} di dalam al-Baya:n wa al-Tabyi:n.

Kajian ini penting untuk memperlihatkan bagaimana perubahan sesuatu huruf atau fonem berlaku ketika disebut oleh kanak-kanak Melayu. Kurikulum atau pengajaran bahasa Arab kepada kanak-kanak harus mengambil kira sebutan mereka dan bagaimana guru dapat mengubah sebutan tersebut kepada sebutan yang lebih tepat dan fasih.

ABSTRACT

This study is about problem of Arabic pronounciation among Malay Children. Al-Ja:h}iz} in al-Baya:n wa al-Tabyi:n has mentioned about the difficulties of the Arabs and non-Arabs pronouncing the sounds in Arabic. Al-Ja:h}iz} pointed out the difficulties in pronunciation of a letter which was pronounced in varied ways.

Although each character has a phoneme articulation and a specific nature, the pronunciation of a word or sentence may change because of various reasons. These reasons include assimilation and dissimilation, *ibda:l* (replacement), disruptive tools of articulations and articulation habits.

This study discussed the opinions of al-Ja:h}iz} about variations of pronunciation of Arabic phonemes. Researcher has compared his opinions with the classic and modern scholars in the field.

In this study, his opinions was tested by conducting interviews on 30 students in the SK Sungai Kob, Kulim, Kedah. Results of this study found that the opinions of al-Ja:h}iz} about diversity of phoneme pronunciation variation existed indeed. In addition,

the researcher also managed to record other ways of pronunciations which were not mentioned by al-Ja:h}iz} in al-Baya:n wa al-Tabyi:n.

This study is important to examine how a letter or phoneme or pronunciation is articulated by children. The Curriculum or the teaching method of the Arabic Language to children must take into account these pronunciation variations and how teachers can assist children to become eloquent as they speak the language.

## PENGHARGAAN

Kepada Allah saya ucapkan syukur yang tidak terhingga kerana dengan kudrat dan iradatNyalah dapat saya siapkan disertasi ini.

Seterusnya kepada penyelia saya Dr. Hj. Mohammad bin Seman yang tidak jemu membimbing dan memberi nasihat serta tunjuk ajar sehingga disertasi ini dapat disiapkan.

Juga kepada para pensyarah-pensyarah saya Prof. Dr. Solehuddin Syamsuddin al-Nadawi, Prof. Dr. Lohanayahi Baskaran, Dr. Zubaidah Ibrahim Bell, Dr. Faridah Noor, Dr. Mohd. Zaki Abdul Rahman, Puan Ainon Rozana Mohd Zaid dan Puan Norafidan Tajuddin. Bukan sedikit ilmu yang telah saya kutip daripada mereka. Sesungguhnya mereka telah membuka dunia baru buat saya sepanjang saya berada di Universiti Malaya.

Kepada isteri Nang Hafidzoh Nik Hamid yang sentiasa berada di sisi memberi semangat untuk meneruskan perjuangan ini. Begitu juga buat anak-anak yang memahami kesibukan bapa belajar. Untuk bonda tersayang Rogmah Din yang sentiasa berdoa agar anaknya ini berjaya.

Kepada rakan-rakan yang membantu sepanjang perjalanan ini terutama Allahyarham Ustaz Arman bin Mohd Rusoff yang banyak menolong ketika mencari bahan rujukan di University of Jordan, Yarmouk University dan University Al al-Bayt. Juga buat Ustaz Rushdan Azizan dan Ustaz Mutalib Mat Saad di Jabatan Pelajaran Negeri Kedah.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Guru Besar SK Sungai Kob, guru-guru di SK Sungai Kob terutamanya guru-guru j-QAF yang banyak membantu di dalam proses mewawancara murid. Juga buat anak-anak yang diwawancarai. Sesungguhnya saya amat menyayangi mereka. Titisan kasih sayanglah yang menjadi penyuntik semangat sehingga saya mampu menyiapkan disertasi ini.

Segala yang baik itu datang dari Allah Taala belaka manakala yang kurang itu adalah kelemahan dan kekurangan diri ini.

Hasmadi bin Hamdan

Sarjana Pengajian Bahasa Moden

Universiti Malaya

Kuala Lumpur